

TABUNG HAJI
حي علم الفلاح

TAKLIMAT KEPADA EDITOR & RAKAN MEDIA

PERKEMBANGAN TERKINI TH

EMPAT ASPEK UTAMA

- 1 Laporan Kewangan 2017**
- 2 Kedudukan Kewangan pada hujung 2018**
- 3 Pelan Pemulihan**
- 4 Kawalselia Bank Negara Malaysia & Langkah Kehematan**

1 | Laporan Kewangan 2017

Dimanakah jurang dalam penyata kewangan 2017 yang telah diaudit?

Kenapa wujud pelbagai isu meskipun akaun *TH* telah disemak Ketua Audit Negara?

Daripada penyata kewangan yang telah diaudit, jurang tersebut boleh dikenalpasti...

TH

31.12.2017

RM'000

Jumlah liabiliti

888,309

Dana diwakili oleh:

Kumpulan wang simpanan pendeposit:

- Baki akhir tahun

70,198,690

- Hibah dibayar selepas akhir tahun

3,323,741

LIABILITI

RM 74.4b

RM 70.3b

ASET

RM4.1b

Jumlah aset

70,317,367

Apa salahnya dengan ‘terlebih bagi hibah’?

Bagaimana pengagihan hibah dibuat?

- Akta Tabung Haji 1995 jelas menyatakan syarat pengagihan hibah di bawah Seksyen 22 (3) (a) di mana:

Pengisytiharan untung boleh agih

*“tiada untung boleh agih boleh diisytiharkan dalam mana-mana tahun melainkan jika pada akhir tahun itu (a) **aset Kumpulan Wang tidak kurang daripada jumlah liabiliti Kumpulan Wang, amaun yang kena dibayar kepada pendeposit dikira seolah-olah kena dibayar dengan serta-merta;**”*

Dalam erti lain

- ✓ Jumlah aset mesti tidak kurang daripada tanggungan
- ✓ Mesti ada untung boleh agih.

- Pengagihan hibah bagi tahun 2017 adalah bertentangan dengan Akta.
- Anggota Lembaga yang baru berpandangan **TH** harus menjelaskan keadaan sebenar perkara ini.

2 | Kedudukan Kewangan pada hujung 2018

Apakah impak pasaran saham dan hartanah yang kurang memberangsangkan?

Adakah **TH** mampu mengagihkan hibah bagi tahun 2018?

- Pasaran ekuiti global dan domestik yang kurang memberangsangkan telah menyebabkan jurang di antara aset dan liabiliti menjadi lebih besar.
- **SEKIRANYA TIADA SEBARANG TINDAKAN DIAMBIL** bagi mengatasi jurang yang ada ini, maka **TH TIDAK BOLEH** membuat sebarang agihan hibah.

FBM KLCI telah jatuh 5.17% pada tahun 2018



3 | Pelan Pemulihan

Adakah SPV merupakan alasan untuk mengambil aset berkualiti?

- Perpindahan aset yang tidak menguntungkan kepada SPV adalah bagi memastikan kedudukan **TH** dapat dipulihkan segera dan membenarkan proses rehabilitasi dan pemulihan terhadap aset dilakukan SPV.

Ekuiti

Kejatuhan nilai melebihi >20% atau rosot nilai yang tinggi

Hartanah

Pulangan <2%

106 ekuiti domestik yang tersenarai

- Kejatuhan nilai tertinggi menjangkau -96.5%
- 10 saham yang mengalami kerugian tertinggi membawa kerugian berjumlah RM4.6b
- Terdiri terutamanya daripada sektor (i) perladangan (ii) minyak & gas (iii) hartanah dan (iv) pembinaan, di mana TH tidak memiliki pegangan yang membolehkan pengawalan syarikat (controlling stake)

1 syarikat perladangan tidak tersenarai

- Memberi pulangan rendah, mangambil masa panjang dan kemerosotan nilai yang tinggi


29 hartanah

- 18 hartanah tidak mempunyai sebarang pendapatan, terutamanya tanah kosong. Aset-aset ini tidak mudah ditunaikan dan tidak selari dengan rangka kerja mudah tunai baharu.

3 | Pelan Pemulihan

Ada yang menyatakan aset yang berdaya saing turut dipindahkan

- Sebahagian daripada aset ini mempunyai potensi jangka panjang. Tetapi melihat kepada keadaan yang dihadapi sekarang, adalah sukar untuk menjangkakan berapa lama masa yang diperlukan untuk aset ini kembali pulih kepada nilai asal pembelian.
- Aset telah dipindahkan pada nilai buku; bukan pada harga pasaran pada akhir Disember 2018.



3 | Pelan Pemulihan

Mengapa SPV di letakkan di bawah Kementerian Kewangan, bukan di entiti seperti PNB?

- Kerajaan telah membuat keputusan untuk meletakkan SPV di bawah Kementerian Kewangan.
- **TH** memindahkan aset berprestasi rendah (under-performing) kepada SPV sebagai pertukaran untuk RM10 bilion sukuk dengan pulangan tahunan sebanyak 5%, dan RM9.9 bilion Saham Keutamaan Boleh Ubah Boleh Tebus Islam (RCPS-i).
- Apabila aset tersebut pulih, SPV akan merealisasikan nilai baik pulih dan mengguna hasil jualan untuk menebus Sukuk & RCPS-I dari **TH**.
- Pertukaran ini akan memberikan **TH** pendapatan tetap, yang akan menstabilkan kedudukan kewangan **TH** dan memulihkan keseimbangan aset dan liabiliti.

4 | Kawalselia Bank Negara Malaysia & Langkah Kehematan

Kenapa *TH* di kawal selia BNM?

- BNM merupakan sebuah Badan Berkanun dan mempunyai Akta sendiri.
- Skop penyeliaan BNM hanya merangkumi aktiviti pengambilan deposit di ***TH***, memberi penekanan terhadap: -
 - ✓ Tadbir urus korporat, termasuk penilaian terhadap pemilihan anggota Lembaga;
 - ✓ Pengurusan risiko dan kawalan dalaman; dan
 - ✓ Pengurusan mudah tunai sejajar dengan risiko ***TH***.
- Tumpuan Lembaga baharu adalah:
 - ✓ Amalan tadbir urus yang lebih kukuh;
 - ✓ Dasar pelaburan berhemat;
 - ✓ Strategi peruntukan aset yang mantap; dan
 - ✓ Kecemerlangan perkhidmatan
- Ini adalah asas untuk memastikan prestasi ***TH*** yang mampan

MELANGKAH KEHADAPAN

- Urusniaga SPV telah selesai pada 31 Dis 2018. Kami telah menerima pengesahan daripada pihak peguam bahawa semua perjanjian pemindahan aset telah ditandatangani dan semua hak milik telah dipindahkan.
- Alhamdulillah, kunci kira-kira **TH** telah dipulihkan dan telah meletakkan **TH** pada kedudukan yang berkebolehan untuk membuat pengagihan hibah bagi tahun 2018. Jumlah agihan akan bergantung kepada prestasi kewangan **TH** (Jangan meletakkan harapan yang tinggi)
- InsyaAllah, **TH** akan berada dalam kedudukan yang lebih baik bagi tahun 2019.
- Untuk meningkatkan ketelusan, **TH** akan membuat pengumuman prestasi kewangan setiap suku tahunan agar pendeposit dapat menilai pencapaian **TH** secara berterusan.